

PENGAPLIKASIAN ELEMEN MASLAHAH DALAM INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA: ANALISIS TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK (SLR)

The Application of Maslahah Elements in Islamic Banking Institutions in Malaysia: A Systematics Literature Review (SLR)

Nur Nabilah Azimoha,* Asmak Ab Rahman*#

*Department of Shariah, Economics and Governance,
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

*#(Corresponding author) e-mail: asmak@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol34no2.1>

ABSTRACT

Maslahah is a well-established principle within the Islamic banking industry, employed to ensure the continuous preservation of Shariah compliance. While numerous previous studies have discussed the concept and scope of maslahah for application within Islamic banking institutions, the criteria for its determination must be carefully considered by relevant parties to ensure that all operations and services incorporate its essential elements. Consequently, the objective of this study is to identify these elements and their application within the operations of Islamic banking institutions. This research utilizes a Systematic Literature Review (SLR) methodology, collecting and analyzing relevant articles from high-impact journals and academic databases. The analysis follows a

four-stage process: identification, screening, eligibility, and inclusion. For result, a total of 28 articles were selected for review and discussion. Overall, the findings classify existing research into three themes: maslahah concerning products, organizations, and society. The study also identifies six elements of maslahah discussed by previous scholars for application in Islamic banking. However, the literature review indicates that these elements predominantly focus on banking products with limited discussion on organizational and societal aspects. Furthermore, there are divergent views among scholars regarding the conditions for using maslahah as a legal source. It is hoped that this research will assist policymakers, Shariah advisors, and researchers in establishing appropriate benchmarking parameters for maslahah in Islamic banking.

Keywords: *maslahah, Islamic banking, systematic literature review*

PENGENALAN

Perkembangan pesat institusi perbankan Islam di dunia telah meletakkan Malaysia sebagai salah satu hub industri perbankan Islam terbesar yang menjalankan operasi perniagaannya berasaskan prinsip-prinsip syariah.¹ Malahan, perkembangannya telah menjadi salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara ke arah lebih kompetitif dan berdaya saing. Amalan sistem perbankan ini telah menjadikan prinsip keadilan dan ketelusan sebagai tunjang utama dalam setiap operasi dan perkhidmatannya. Malahan juga, perkhidmatan perbankan ini telah menjadi pilihan alternatif kepada masyarakat di negara ini untuk beralih kepada perbankan Islam. Hal ini kerana, perbankan Islam menawarkan produk yang bebas daripada unsur riba, *gharar* dan *maisir* yang dapat memenuhi keinginan dan keperluan masyarakat Islam kepada perbankan yang lebih selamat dan beretika.² Bagi memastikan segala perkhidmatan perbankan mematuhi prinsip-prinsip syariah, metode maslahah diaplikasikan sebagai salah satu kaedah dalam penentuan hukum khususnya yang membabitkan isu-isu kontemporari yang tidak dibahaskan oleh sarjana terdahulu. Hal ini kerana isu-isu perbankan Islam sentiasa berubah dan agar sukar untuk diselesaikan sekiranya hanya berpanduan kepada kitab-

¹ Muhamamd Shahrul Ifwat Ishak, "The Principle of Maslahah and Its Application in Islamic Banking Operations in Malaysia," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 11, no. 1 (2019), 137-146.

² Amir Shahrudin, "The Bay' Inah Controversy in Islamic Banking," *Arab Law Quarterly* 26, no. 4 (2012): 499-511.

kitab klasik yang hanya tertumpu kepada isu permasalahan yang terhad.³ Oleh itu masalah dijadikan sebagai kaedah dalam proses pengeluaran hukum dan operasi perbankan dalam memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan selagimana tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Walau bagaimanapun, konsep masalah itu sendiri satu konsep yang luas yang mungkin boleh disalahgunakan jika ianya tidak berpandukan kepada kriteria atau elemen yang ditetapkan.⁴ Hal ini diakui oleh Lokmanul Hakim, penggunaan masalah sebagai sumber hukum akan terdedah kepada kesilapan jika ianya tidak didasari kepada prinsip-prinsip yang digariskan oleh ulama usul.⁵ Malahan juga, penggunaan masalah yang tidak konsisten dalam pengeluaran hukum yang berkaitan perbankan dan kewangan Islam sering berlaku bilamana sarjana Islam adakalanya terlalu *rigid* sehingga mengabaikan tujuan produk perbankan dari pelbagai sudut dan perspektif. Pada masa yang sama, mereka juga akan bertindak terlalu terbuka dalam memutuskan sesuatu isu atas prinsip masalah⁶. Lantaran itu, dalam menjadikan masalah sebagai keperluan dalam metodologi ijtihad bagi penentuan hukum, elemen masalah perlu diberi perhatian dan dijadikan sebagai panduan bagi pengoperasian institusi perbankan. Oleh itu, objektif kajian ini untuk mengenalpasti elemen masalah untuk diaplikasikan dalam institusi perbankan Islam. Kajian ini akan memfokuskan kajian literatur berkenaan elemen masalah yang dibahas dalam penulisan terdahulu sebagai metodologi utama kajian dengan menggunakan *sistematik literatur review*.

KONSEP MASLAHAH DALAM PERBANKAN ISLAM

Maslahah merujuk kepada kemaslahatan yang dicapai membawa kebaikan sama ada kepada individu ataupun kepentingan umum. Ibn ‘Ashur⁷ mendefinisikan masalah sebagai satu tindakan yang mengandungi manfaat dan kebaikan kepada pelbagai pihak. Bagi al-Ghazali pula, masalah ialah menjaga manfaat dan berusaha untuk mencegah kemudaratan sebaik yang mungkin untuk menepati prinsip dalam maqasid syariah iaitu

³ Suheyib Eldersevi & Razali Haron, “An Analysis of Maṣlaḥah Based Resolutions Issued by Bank Negara Malaysia,” *ISRA International Journal of Islamic Finance* 12, no. 1 (2020), 89-102, <https://doi.org/10.1108/IJIF-09-2018-0103>.

⁴ Suheyib Eldersevi & Razali Haron, “An Analysis of Maṣlaḥah Based Resolutions Issued by Bank Negara Malaysia,” 89-102.

⁵ Lokmanul Hakim Hussain, “Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep Masalah’ Ammah Dalam Produk Kewangan Islam,” *Jurnal Muamlat* 10 (2017): 125-145.

⁶ Amir Shaharuddin, “Maslahah-Mafsadah Approach in Assessing The Syariah Compliance of Islamic Banking Products,” *International Journal of Bussiness and Social Sciences* 1, no. 1 (2010): 129-136.

⁷ Ibn ‘Āshūr, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 2004), 200.

menjaga agama, nyawa, akal, maruah dan harta.⁸ Hal ini kerana penggunaan masalah mestilah selari dan bertepatan dengan maqasid syariah agar ianya tidak terkeluar dari landasan agama. Al-Yubi⁹ menyatakan, hubungkait masalah dengan maqasid syariah perlulah bergerak seiring dalam mengharmonikan hukum Islam semasa yang mengandungi pelbagai hikmah yang ditetapkan oleh Allah Taala.

Elemen masalah turut dinyatakan dalam al-Quran melalui beberapa ayat seperti hikmah hukuman qisas yang mengandungi masalah kepada pihak yang terlibat sebagaimana firman Allah Taala:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan: “Dan di dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu”.

(Surah al-Baqarah, 2:179)

Begitu juga ayat al-Quran melalui hikmah menghindari daripada kesukaran dan kepayahan adalah masalah yang Allah Taala berikan kepada umatNya seperti melalui firman Allah Taala;

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُثَبِّتَ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahan: “Allah tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan kamu dan menyempurnakna nikmat-Nya bagimu agar kamu bersyukur”.

(Surah al-Mā'idah, 5:6)

Berdasarkan ayat tersebut, setiap perintah Allah Taala mengandungi hikmah dan masalah kepada manusia yang tidak boleh ditolak oleh akal manusia. Selain itu juga, tindakan para sahabat r.a pada zaman awal Islam juga turut mengandungi elemen masalah dan hikmah yang tersendiri seperti tindakan Saidina Abu Bakar r.a membanteras golongan murtad, mereka yang enggan membayar zakat serta mereka yang

⁸ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 22.

⁹ Muḥammad Sa'd bin Aḥmad bin Mas'ūd al-Yūbī, *Maqāsid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Sharī'iyah* (Riyāḍ: Dār al-Hijrah, 1998), 389-390.

mengaku sebagai nabi bagi menyelamatkan umat Islam daripada perpecahan.¹⁰ Usaha pengumpulan al-Quran yang dilakukan pada zaman Saidina Uthman bin Affan r.a turut terkandung beberapa masalah kepada umat Islam seperti menghindari perselisihan dan perbalahan, dapat menyatukan bentuk mushaf yang seragam serta dapat menyelaraskan susunan surah-surah di dalam al-Quran.¹¹

Yasmin Hanani¹² menyatakan pengaplikasian masalah dalam konteks perbankan Islam bagi memastikan setiap perkhidmatan, operasi dan produk perbankan dapat memberi manfaat dan kepentingan kepada individu dan masyarakat tanpa melanggar prinsip-prinsip syariah. Sebagai contoh pengaplikasian *bay' al-'inah* dalam produk perbankan yang menimbulkan pelbagai kritikan dikalangan para sarjana kerana ianya satu helah kepada riba yang jelas diharamkan dalam Islam. Penasihat Syariah melalui Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan pelbagai panduan dan resolusi yang berkaitan kontrak *bay' al-'inah* di dalam institusi perbankan Islam.¹³ Walaupun begitu, ianya dianggap masalah bilamana kontrak ini digunakan dalam penstrukturan kad kredit Islam khususnya dalam urusan transaksi perniagaan kepada pelanggan.¹⁴

Selain itu, isu mengenai caj pembayaran *ta'wīd* (ganti rugi) ke atas pelanggan yang gagal menyelesaikan hutang pada masa yang ditetapkan. Secara umumnya mengenakan caj pembayaran lewat yang dikenakan kepada penghutang dengan niat memperoleh keuntungan semata-mata adalah termasuk dalam kategori riba. Namun dalam isu ini, mengenakan caj pembayaran lewat atas kerugian sebenar (*ta'wīd*) oleh institusi perbankan dibenarkan selagi mana mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh BNM atas keperluan masalah kepada institusi perbankan tersebut.¹⁵

Dalam hal ini, perlu difahami undang-undang dan peraturan Islam bukan hanya disandarkan kepada sumber-sumber karya ulama klasik secara teori sahaja bahkan perlu melihat kepada konsep masalah dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam

¹⁰ Anwar Mutaqqin & Amalin Abdul Aziz, "Analisis Teori Tadbir Urus Islam Era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq Berdasarkan Sumber al-Quran," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 4 (2023): 177-188.

¹¹ Nūr al-Dīn bin Mukhtār al-Khādimī, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī* (Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, 1998), 91-100.

¹² Yasmin Hanani Mohd Safian, "Shariah Scholars and Fatwa Making Process in Islamic Finance," *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2018): 120-135, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.33>

¹³ Muhammad Shahrul Ifwat Ishak, "The Principle of Maslahah and Its Application in Islamic Banking Operations in Malaysia," 137-146.

¹⁴ Amir Shaharuddin, "The Bay' Inah Controversy in Islamic Banking," 499-511.

¹⁵ Muhamamd Shahrul Ifwat Ishak, "The Principle of Maslahah and Its Application in Islamic Banking Operations in Malaysia," 137-146.

konteks semasa.¹⁶ Hal ini kerana peranan masalah dianggap penting dalam zaman moden ini terutamanya dalam mengaplikasikan Islam dalam dunia masa kini. Perubahan yang drastik melalui perkembangan teknologi telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat, politik, sosial dan begitu juga dalam ekonomi.¹⁷ Oleh itu, masalah sebagai satu pendekatan dalam mengharmonikan Islam seiring dengan isu semasa. Maka, tidak hairanlah institusi fatwa dan badan berautoriti dalam institusi kewangan Islam mengeluarkan ijtihad dan resolusi berdasarkan masalah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik (*systematics literature review*) dalam mendapatkan data-data terhadap kajian terdahulu. Menurut Creswell J.W¹⁸ menyatakan kajian literatur bersistematik adalah digunakan untuk mengkaji, mengenalpasti tema-tema secara terperinci berdasarkan kajian yang dijalankan dengan menggunakan penulisan kajian terdahulu melalui carian katakunci, tema dan sebagainya. Melalui kaedah yang digunakan, maklumat kajian dapat diperolehi secara bersistematik dan berasas dalam mendapatkan data-data melalui kriteria yang tertentu. Kajian ini juga menggunakan garis panduan PRISMA (*Preferred for Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). Moher¹⁹ telah menyebut empat kaedah dalam PRISMA yang digunakan untuk melakukan kajian berdasarkan literatur bersistematik iaitu pengenalanpastian (*identification*), penyaringan (*screening*), penerimaan (*eligibility*) dan kemasukan (*included*) dalam penulisan kajian sehingga dapat membuktikan data-data yang jelas dan tepat berdasarkan kajian yang dijalankan. Lame²⁰ turut menyatakan kajian tinjauan literatur sistematik telah menjadi metodologi utama dalam pelbagai kajian disiplin ilmu kerana dapat mengumpulkan bukti-bukti empirikal yang sesuai dan bersistematik berdasarkan kriteria tertentu dalam menjawab persoalan kajian.

a. Proses Tinjauan Literatur Sistematik

Pengenalanpastian (*identification*): Kaedah pengenalanpastian digunakan pada peringkat awal kajian yang melibatkan pencarian melalui pangkalan data elektronik dengan

¹⁶ Al-Raysūnī, *Nazariyyat al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāṭibī* (USA: The International Institute of Islamic Thought, 1995), 77-88.

¹⁷ Nūr al-Dīn bin Mukhtār al-Khādimī, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī*, 91-100.

¹⁸ J. W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (New York: SAGE Publications, 2017), 41-47.

¹⁹ David Moher, Alessandro Liberati, Jennifer Tetzlaff, Douglas G. Altman & PRISMA Group, "Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement," *International Journal of Surgery* 8, no. 5 (2010): 336-341.

²⁰ Guillaume Lame, "Systematic Literature Reviews: An Introduction," dalam *Proceedings of the 22nd International Conference on Engineering Design (ICED19)* (Delft, Netherlands, 5-8 August 2019), 1633-42, <https://doi.org/10.1017/dsi.2019.169>.

menggunakan beberapa katakunci tertentu.²¹ Pencarian khusus memfokuskan instrumen yang melibatkan elemen masalah dalam institusi perbankan Islam melalui empat pangkalan data terpilih iaitu *Scopus*, *MyJurnal*, *Google Scholar* dan *Semantic Scholar*. Pemilihan pangkalan data seperti *Scopus*, *Google Scholar* dan *Semantic Scholar* adalah amalan kebiasaan yang digunakan oleh penyelidik dalam bidang sains sosial selain menghimpunkan pelbagai artikel terutamanya penulisan akademik dari seluruh dunia yang berkualiti tinggi. Selain itu, *MyJurnal* adalah pangkalan data yang diterbitkan di Malaysia dengan adanya pelbagai koleksi literatur dalam pelbagai bidang yang juga dikenali sebagai Pusat Sitasi dan Infometriks. Melalui proses pengenalan ini terhadap empat pangkalan data yang menyumbang kepada 754 artikel dengan menggunakan kata kunci seperti Jadual 1 dibawah:

Jadual 1: Carian Kata Kunci

Pangkalan Data	Katakunci yang digunakan
<i>Scopus</i>	TITLE-ABS-KEY (“masalah” AND “Islamic Banking”, “masalah” atau “maqasid syariah” atau “masalah mursalah”)
<i>MyJurnal</i>	
<i>Google scholar</i>	
<i>Semantic Scholar</i>	

Sumber: Susunan Pengkaji

Kelayakan (*screening*): Fasa kedua dalam proses tinjauan literatur sistematik adalah fasa kelayakan yang mana setiap artikel dalam pangkalan data terpilih ditapis berdasarkan kriteria kemasukan dan pengecualian. Selain itu, pengkaji juga menggunakan maklumat tertentu bagi menghadkan pencarian supaya lebih terarah dan berfokus dengan kajian yang dilakukan. Hal ini dapat menyingkirkan artikel yang tidak relevan dan di luar bidang kajian. Maklumat pencarian dengan menggunakan kriteria terpilih adalah seperti jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Kriteria Kemasukan dan Pengecualian Artikel

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Jenis dokumen	Artikel Jurnal	Kertas kerja persidangan, bab dalam buku, buku, laporan
Tahun Penerbitan	2015-2025	Kurang daripada tahun 2015
Sub-	Muamalat, perbankan,	Selain daripada muamalat,

²¹ Yu Xiao & Maria Watson, “Guidance on Conducting a Systematic Literature Review,” *Journal of Planning Education and Research* 39, no. 1 (2019): 93-112.

bidang	kewangan Islam	perbankan dan kewangan Islam
Bahasa	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab	Selain daripada ketiga-tiga bahasa


Sumber: Susunan Pengkaji

Pengkaji telah menghadkan beberapa kriteria tertentu dalam fasa kelayakan iaitu kaedah tapisan seperti hanya memilih jenis artikel dan jurnal sahaja dalam setiap pangkalan data. Penulisan yang berbentuk kertas kerja persidangan, bab dalam buku, report dan sebagainya tidak termasuk dalam kriteria pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menyaring beberapa artikel yang berulang di dalam pengkalan data seperti *Scopus* dan *MyJurnal*. Malahan, pengkaji meluaskan pencarian artikel kepada tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab berdasarkan kesesuaian tajuk kajian. Hal ini supaya lebih banyak artikel yang berkaitan dan relevan. Sasaran pengkaji juga tertumpu kepada skop kajian dalam bidang muamalat, perbankan dan kewangan Islam sahaja. Walaubagaimanapun, hanya 39 artikel terpilih yang memenuhi kriteria tersebut untuk fasa seterusnya.

Kelayakan (*eligibility*): Fasa kelayakan ialah melibatkan proses literatur yang lebih terperinci berdasarkan pencarian artikel yang berbaki. Pengkaji akan meneliti setiap artikel yang menepati tajuk kajian, abstrak dan bidang yang relevan dengan kajian pengkaji. Hasil daripada fasa kelayakan ini, sebanyak 28 artikel yang melepasi kriteria untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kajian.

Kemasukan (*included*): Fasa yang terakhir iaitu kemasukan yang mana pengkaji akan menggunakan 28 artikel yang berbaki dengan melihat kepada tema, abstrak dan kandungan yang boleh dikaitkan dengan elemen masalah dalam institusi perbankan Islam. Hal ini kerana fasa ini adalah penting bagi menilai hanya artikel yang layak sahaja untuk dibincang dan dianalisis. Berikut merupakan carta alir menggunakan kaedah PRISMA bagi kajian ini:

Rajah 3: Carta Alir Proses Pencarian Artikel
Berdasarkan Kaedah PRISMA



Sumber: Altman Dg Moher D, Liberati A, Tetzlaff J, "PRISMA 2009 Flow Diagram," *The PRISMA Statement*, 200.

PENILAIAN KUALITI ARTIKEL

Proses penilaian kualiti telah dilaksanakan terhadap semua artikel yang dipilih bagi menilai kesahan metodologi, dapatan kajian dan kerelevanan kandungan artikel supaya dapat dianalisis secara sistematik.²² Proses penilaian ini dilakukan berpandukan standard yang diiktiraf dalam kajian literatur sistematik iaitu menggunakan senarai semak dalam *Critical Appraisal Skill Programme* (CASP) bagi kajian kualitatif.²³ Bagi kajian ini, pengkaji telah membuat pembacaan dan penelitian penuh terhadap semua 28 artikel pada fasa kelayakan. Penilaian kualiti artikel amat penting bagi kajian literatur sistematik kerana ia akan meningkatkan kualiti data, metodologi serta ketelusan dapatan kajian.

Bagi menilai kualiti setiap artikel, enam kriteria telah digunakan daripada kerangka penilaian yang dicadangkan oleh pengkaji terdahulu²⁴ seperti berikut:

- QA1: Adakah tujuan kajian dinyatakan dengan jelas?
- QA2: Adakah ianya berkaitan dengan objektif penyelidikan ini?
- QA3: Adakah metodologi kajian dijelaskan dengan terperinci?
- QA4: Adakah terdapat perbandingan dengan kajian yang lain?
- QA5: Adakah keterbatasan kajian ini dibincangkan dengan jelas?
- QA6: Adakah terdapat implikasi kajian yang telah dibincangkan?

Penilaian kualiti artikel ini membantu bagi memastikan hanya artikel yang benar-benar relevan untuk dianalisis seperti jadual di bawah;

Jadual 4: Penilaian Kualiti Artikel Kajian

Penulis & Tahun	QA1	QA2	QA3	QA4	QA5	QA6	Skor
Kazi et al. (2021)	Y	Y	P	Y	P	Y	5
Shahrul & Fathullah (2020)	Y	Y	Y	Y	P	Y	5.5
Abd Hakim (2020)	Y	P	P	Y	N	Y	4
Suheyib & Razali (2020)	Y	Y	Y	Y	P	P	5
Ameen Ahmed et al. (2022)	P	Y	P	Y	P	Y	4.5

²² Amanda Burls, "What Is Critical Appraisal?," *International Journal of Evidence-Based Practice for Dental Hygienist* 1, no. 2 (2015): 80-85.

²³ Ruth Backman et al., "Clinical Reminder Alert Fatigue in Healthcare: A Systematic Literature Review Protocol Using Qualitative Evidence," *Systematic Reviews* 6, no. 1 (2017): 255.

²⁴ David Tranfield, David Denyer & Palminder Smart, "Towards a Methodology For Developing Evidence-Informed Management Knowledge By Means of Systematics Review," *British Journal of Management* 14, no. 3 (2003): 207-222. Lihat juga David Gough, Sandy Oliver & James Thomas, "An Introduction to Systematics Review (2nd Edition)," *Psychology Teaching Review* 23, no. 2 (2017): 95-96.

Pengaplikasian Elemen Masalah Dalam Institusi Perbankan Islam di Malaysia:
Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR)

Achmad Firdaus (2021)	Y	P	Y	Y	N	Y	4.5
Norazlina & Ridzwan (2019)	Y	Y	P	Y	N	P	4
Shahrul Ifwat (2019)	Y	Y	P	Y	Y	Y	5.5
Fathullah Asni et al. (2024)	Y	Y	Y	P	N	P	4
Lokmanul Hakim (2017)	Y	Y	P	Y	N	Y	4.5
Shahrul & Syairazi (2022)	Y	Y	P	Y	P	P	4.5
Abdulmajid & Kieren Akbar (2023)	Y	Y	P	Y	N	P	4
Siti Hajar (2019)	Y	Y	P	Y	P	P	4.5
Mansor Sulaiman et al. (2019)	P	Y	N	Y	P	Y	4
Fadziani & Ahmad Hidayat (2024)	Y	Y	Y	Y	Y	Y	6
Sarah et al. (2024)	Y	Y	Y	Y	P	Y	5.5
Zulkifli & Mehmet (2017)	Y	P	P	Y	P	N	3.5
Fakhri & Anuar (2018)	Y	P	P	Y	P	N	3.5
Sumayyah & Ridzwan (2016)	Y	Y	P	Y	P	P	4.5
Shahrul & Syahirah (2021)	Y	Y	P	Y	P	P	4.5
Wan Nazjmi et al. (2020)	Y	Y	Y	Y	P	P	5
Abdul Atsar & Azid (2018)	Y	Y	Y	Y	N	N	4
Marina Abu Bakar (2021)	Y	Y	P	Y	P	P	4.5
Rashidah et al. (2023)	Y	Y	Y	Y	P	Y	5.5
Susi Nurkholidah et al. (2024)	Y	Y	Y	Y	P	Y	5.5
Nurul Hikmah & Muhammad (2025)	Y	Y	Y	Y	Y	N	5
Erie Hariyanto et al. (2023)	Y	Y	Y	Y	P	P	5
Aimatul Yumna (2019)	Y	Y	Y	Y	Y	Y	6

Sumber: Olahan Pengkaji

Berdasarkan jadual di atas, bagi setiap kriteria penilaian tiga pilihan jawapan telah digunakan iaitu *Yes* (ya) yang mewakili 1.0 markah, *Partly* (tidak sepenuhnya) mewakili 0.5 markah dan *No* (tidak mewakili sebarang markah). Menurut Mark Pettichew & Helen Roberts²⁵ mencadangkan kesemua artikel yang melalui proses saringan penilaian dikategorikan kepada baik, sederhana dan tidak baik. Artikel akan dianggap berkualiti atau sekurang-kurangnya mencapai tahap sederhana sekiranya memperoleh skor 3.0 daripada markah keseluruhan 6.0. Dalam kajian ini, proses penilaian artikel berjaya meletakkan kesemua 28 artikel yang dinilai layak untuk disoroti dalam kajian SLR ini.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 28 artikel telah dikenalpasti yang mempunyai kaitan dengan kajian pengaplikasian elemen masalah dalam institusi perbankan Islam. Hasil dapatan kajian yang diperolehi telah diringkaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 5: Sorotan Literatur Sistematik Elemen Masalah dalam Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Bil	Kajian	Jurang Kajian	Metode	Dapatan
1	Kazi et al., 2021 (<i>Developing And Validating the Component of Maqasid al-Shariah Based Performance Measurement Model for Islamic Bank</i>)	Kajian ini dijalankan untuk membangunkan model maqasid syariah berasaskan penilaian prestasi bagi perbankan Islam dengan mengabungkan teori daripada Imam al-Ghazali dan Abu Zahrah.	Kajian ini menggunakan penyelidikan berasaskan kualitatif dengan membuat ulasan kajian terdahulu, kaedah temubual dan <i>focus group discussion</i> .	Hasil kajian mendapati antara model dalam mengukur prestasi perbankan Islam ialah meningkatkan penjagaan masalah dalam tiga aspek iaitu <i>darūriyyāt</i> , <i>ḥājjiyyāt</i> dan <i>taḥsīniyyāt</i> .
2	Shahrul Ifwat & Fathullah Asni, 2020 (<i>The Role of Maqasid al-Shari'ah in Applying Fiqh</i>)	Kajian ini dijalankan untuk mengkaji secara praktikal peranan maqasid syariah dalam	Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan temubual bersama tiga ahli penasihat	Hasil kajian mendapati maqasid syariah berperanan sebagai panduan dalam

²⁵ Mark Petticrew & Helen Roberts, *Systematics Review in Social Science: A Pratical Guide* (Victoria: Blackwell Publishing, 2006), 57.

	<i>Muamalat into Modern Islamic Banking in Malaysia)</i>	mengaplikasikan fiqh muamalat di dalam perbankan Islam.	syariah BNM dan tiga penasihat syariah di institusi perbankan terpilih.	mengaplikasikan hukum syarak sebagai penyelesaian kepada isu-isu syariah dalam perbankan Islam dengan mengambilkira pertimbangan masalah.
3	Abd Hakim, 2020 (<i>Multiple Sharia' Board Directorship: A Masalah (Public Interest) Perspective</i>)	Kajian ini mengkaji perspektif masalah dari aspek pelantikan ahli jawatankuasa syariah yang memegang lebih dari satu jawatan di institusi kewangan Islam secara serentak.	Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan membuat analisis kandungan berdasarkan kitab-kitab fiqh terutama dalam memfokuskan elemen masalah.	Hasil kajian ini mendapati pelantikan ahli jawatankuasa syariah lebih dari satu jawatan dibincangkan dari sudut masalah antaranya seperti kewujudnya keseragaman keputusan syariah antara institusi dan dapat meningkatkan kualiti ijtihad kolektif melalui pengalaman ahli yang luas.
4	Suheyib & Razali, 2020 (<i>An Analysis of Masalah Based Resolutions Issued by Bank Negara Malaysia</i>)	Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana resolusi syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia memenuhi piawaian elemen masalah.	Kajian ini menggunakan metode kualitatif untuk menganalisis resolusi syariah serta membuat analisis perbandingan badan ijtihad peringkat negara dan antarabangsa.	Hasil kajian ini mendapati pengeluaran resolusi syariah menepati elemen masalah seperti tidak bertentangan dengan nas, masih dalam

				ruang lingkup ijma serta memberi impak kepada kepentingan umum.
5	Ameen Ahmed et al., 2022 (<i>Common Conceptual Flaws in Realizing Maqasid al-Shariah vis-à-vis Islamic Finance</i>)	Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kelemahan dan kesilapan dalam mengaplikasikan konsep maqasid syariah dalam kewangan Islam.	Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dalam memahami penggunaan maqasid syariah dalam sistem kewangan Islam.	Hasil kajian ini mendapati lima objektif dalam maqasid syariah membentuk <i>framework</i> masalah untuk diaplikasikan dalam sistem kewangan Islam iaitu berdasarkan peringkat masalah seperti masalah <i>darūriyyāt</i> , masalah <i>ḥājjiyyāt</i> dan masalah <i>taḥsīniyyāt</i> .
6	Achmad Firdaus, 2021 (<i>Determination of Organisational Essential Needs as The Basis for Developing a Masalah-Based Performance Measurement</i>)	Kajian ini membincangkan bagaimana keperluan asasi sesebuah organisasi ditentukan melalui pengukuran prestasi berdasarkan perspektif masalah.	Kajian ini berdasarkan kajian penerokaan iaitu melalui dua reka bentuk kajian iaitu bagaimana elemen dalam masalah <i>darūriyyāt</i> menjadi keperluan dalam organisasi dan reka bentuk kajian diformulakan dengan pengukuran prestasi berdasarkan masalah.	Hasil kajian ini merumuskan bahawa masalah <i>darūriyyāt</i> menjadi asas dalam mengenalpasti keperluan asasi dalam organisasi seperti dalam aspek ibadah, pendidikan, proses gerak kerja, pelanggan dan pengagihan kekayaan.

7	Norazlina Mamat & Ridzwan Ahmad, 2019 (<i>Maslahah Approach Toward Imposition of Ta'widh in Islamic Banking</i>)	Kajian ini mengkaji pendekatan masalah terhadap pelaksanaan <i>ta'widh</i> yang dikenakan ke atas pelanggan dalam perbankan Islam.	Kajian ini adalah menggunakan metode kualitatif melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan iaitu kaedah temubual.	Hasil kajian ini mendapati terdapat elemen masalah dalam pelaksanaan <i>ta'widh</i> iaitu kemudahan mesti dihapuskan dan memberi keadilan kepada kedua-dua pihak bank dan pelanggan.
8	Shahrul Ifwat, 2019 (<i>The Principle of Maslahah and Its Application in Islamic Banking Operations in Malaysia</i>)	Kajian ini menfokuskan sejauhmana penggunaan masalah diambilkira dalam isu-isu perbankan Islam terutama dalam isu <i>bay' al-'inah, ibrā'</i> dan <i>ta'wīd</i> .	Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis data dan menggunakan analisis kandungan iaitu analisis secara deduktif dan induktif.	Hasil kajian ini mendapati elemen masalah antara pihak bank dan pelanggan diambil kira oleh BNM dalam pengaplikasian kontrak perbankan iaitu dapat menjaga kebolehpasaran institusi perbankan Islam dan memastikan keadilan serta ketelusan antara pihak bank dan pelanggan.
9	Fathullah Asni et al., 2024 (Kaedah Pendalilan Masalah Mursalah Dan Aplikasinya)	Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah masalah mursalah dan pengaplikasian dalam sistem kewangan Islam	Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan dan	Hasil kajian ini menetapkan beberapa parameter masalah mursalah bagi mengaplikasikan

	Dalam Kewangan Islam Kontemporari)	semasa.	dianalisis dengan metode analisis kandungan.	dalam konteks kewangan Islam semasa iaitu masalah harus benar berlaku, manfaat yang besar secara umum dan tidak bertentangan dengan peraturan hukum Islam.
10	Lokmanul Hakim Hussain, 2017 (Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep Masalah 'Ammah Dalam Produk Kewangan Islam)	Kajian ini mengkaji konsep masalah 'āmmah dan pengaplikasian pada produk kewangan Islam terpilih dalam mengenalpasti pematuhan syariah berdasarkan kriteria masalah 'āmmah.	Kajian ini menggunakan kajian kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan dan dianalisis dengan metode analisis kandungan.	Hasil kajian ini mendapati terdapat kriteria masalah 'āmmah yang dipertimbangkan iaitu masalah berada pada tahap <i>darūriyyāt</i> dan <i>ḥājīyyāt</i> , masalah yang benar-benar wujud dan pengecualian hukum disebabkan masalah diaplikasikan dalam perkara yang haram secara wasilah.
11	Shahrul Ifwat & Syairazi, 2022 (<i>The Role of Istihsan in Applying Masalah in Islamic Finance</i>)	Kajian ini memfokuskan peranan <i>istihsān</i> dalam mengaplikasikan konsep masalah dalam kewangan dan perbankan Islam.	Kajian ini berdasarkan kajian perpustakaan dengan merujuk kepada karya-karya klasik dan kontemporari yang berkaitan.	Hasil kajian ini telah mengemukakan parameter <i>istihsān</i> iaitu memastikan masalah benar-benar berlaku, <i>istihsān</i> mestilah daripada sumber syariah,

				menganggap <i>istihsān</i> tidak mengubah ketetapan hukum yang asal.
12	Abdulmajid & Kieren Akbar, 2023 (<i>Maslahah</i> { <i>'Ammah wa Dhawabituha fi Mu'amat al-Maliyah wa Tatbiqaha al-Masriyah al-Mu'asarah</i>)	Kajian ini memfokuskan aplikasi masalah dalam transaksi dan kontrak bagi perbankan Islam dengan menjadikan masalah sebagai kerangka teoritikal.	Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder berkaitan perbankan Islam.	Hasil kajian ini mengetengahkan kaedah dalam penentuan sesuatu masalah iaitu masalah mestilah <i>ḥaqīqiyah</i> (benar-benar berlaku), masalah bertepatan dengan tujuan maqasid syariah dan masalah tidak berlawanan dengan nas syarak.
13	Siti Hajar Roslan, 2019 (Penggunaan Masalah dalam Pembentukan Standard <i>Ijarah</i> Yang Dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia: Suatu Sorotan Literatur)	Kajian ini mengkaji status masalah dan aplikasinya sebagai sumber perundangan dalam perbankan Islam dengan memfokuskan standard ijarah yang dikeluarkan oleh BNM berdasarkan sorotan literatur.	Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan metode dokumentasi sebagai pengumpulan data dan kaedah deskriptif dalam menganalisis data.	Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati peranan masalah menjadi sangat penting sebagai sumber hukum dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi terutamanya dalam menyelesaikan isu-isu yang

				tidak diperjelaskan dalam al-Quran dan hadis.
14	Mansor Sulaiman et al, 2019 (<i>Ijtihad and Its Relationship with Maslahah: An Analysis Review</i>)	Kajian ini mengkaji hubungan ijtihad dengan masalahah beserta aplikasinya masalahah dalam kes-kes terpilih.	Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan sebagai analisis kandungan bagi melihat hubungkait antara ijtihad dan masalahah.	Hasil kajian ini mengeluarkan garis panduan aplikasi masalahah iaitu masalahah mestilah tidak berlawanan dengan nas daripada al- Quran, hadis dan ijma', menepati prinsip dalam maqasid syariah dan tidak bercanggah dengan keputusan fuqaha'.
15	Fadziani Yaakub & Ahmad Hidayat Buang, 2024 (<i>The Application of Promise (Wa'd) In Islamic Banking Contracts In Malaysia: A Maslahah Perspective</i>)	Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kepentingan konsep janji dalam kontrak perbankan Islam dengan mengambil kira prinsip masalahah dan mafsadah yang dianjurkan dalam maqasid syariah.	Kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu temubual semi struktur.	Hasil kajian ini mendapati maqasid <i>kulliyah</i> diambil kira sebagai masalahah dalam kontrak <i>al-wa'd</i> kepada pelanggan, pihak bank dan masyarakat.
16	Sarah Nursaadah et al., 2024 (<i>Maslahah and Its Application in Islamic Finance</i>)	Kajian ini mengkaji konsep masalahah sebagai sumber sekunder dalam syariah serta aplikasinya dalam produk dan	Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan kajian perpustakaan daripada karya klasik dan	Hasil kajian ini mendapati masalahah yang sah bila ianya memenuhi syarat seperti masalahah mesti

Pengaplikasian Elemen Masalah Dalam Institusi Perbankan Islam di Malaysia:
Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR)

		perkhidmatan kewangan Islam.	kontemporari.	<i>haqīqiyah</i> , <i>kulliyah</i> dan tidak berlawanan dengan nas al-Quran dan hadis.
17	Zulkifli Hasan & Mehmet Asutay, 2017 (<i>Masalah in Stakeholder Management For Islamic Financial Institutions</i>)	Kajian ini mengkaji pendekatan masalah sebagai alat instrumen kepada pengurusan pihak-pihak berkepentingan dalam institusi kewangan Islam	Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan tinjauan sorotan kajian terdahulu	Hasil kajian ini menunjukkan prinsip masalah yang perlu dipatuhi ialah masalah menepati objektif dalam maqasid syariah, menjauhi unsur kemudaran, tidak ada petunjuk yang jelas daripada nas yang memerlukan penyelesaian hukum.
18	Fakhri Sungkit & Khairul Anuar Ahmad, 2018 (Dilema Perbankan dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh dan Maqasid al-Syariah)	Kajian ini mengkaji pertembungan antara kepentingan pihak industri perbankan dan masyarakat dalam penyediaan produk perbankan yang memenuhi maqasid syariah dan manfaat kepada pengguna.	Kajian ini berdasarkan metode kualitatif iaitu menggunakan instrumen perpustakaan dengan mendapatkan sumber-sumber bacaan seperti kitab <i>turath</i> , kajian ilmiah melalui tesis dan artikel jurnal untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan.	Hasil kajian menunjukkan antara elemen dalam maqasid syariah ialah masalah <i>'āmmah</i> dan keadilan kepada semua pihak menjadi asas dalam pengaplikasian dalam isu-isu perbankan.

19	Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad, 2016 (Satu Penilaian Semula Konsep <i>al-Darurah</i> dalam Kewangan Islam Semasa)	Kajian ini mengkaji konsep <i>al-darūrah</i> dalam Islam seterusnya menghuraikan pemakaian metodologi hukum dalam kewangan Islam semasa.	Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu kajian perpustakaan sebagai pengumpulan data dan metode induktif, komparatif dan deduktif sebagai analisis data.	Hasil kajian ini mendapati maqasid <i>kullīyyah</i> adalah elemen penting dalam konsep <i>al-darūrah</i> bagi mencapai masalah kewangan Islam.
20	Shahrul Ifwat & Nur Syahirah, 2021 (<i>Maqasid al-Shariah in Islamic Finance: Harmonizing Theory and Reality</i>)	Kajian ini mengkaji bagaimana maqasid syariah memainkan peranannya dalam kewangan Islam antara hukum syariah dan aplikasi dalam semasa.	Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan menggunakan metode deduktif dan induktif.	Bagi mencapai maqasid syariah, penelitian terhadap peringkat masalah perlu diberi perhatian iaitu masalah <i>darūriyyāt</i> dan masalah <i>ḥājīyyāt</i> sebagai elemen penting bagi memastikan masalah masih dalam ruang lingkup yang dibenarkan.
21	Wan Nazjmi et al., 2020 (<i>The Engineering of Islamic Financial Products Through The Fundamental of The Maqasid Al- Shari'ah</i>)	Kajian ini mengkaji prinsip maqasid syariah sebagai panduan kepada badan penasihat syariah dalam berijtihad terhadap pembangunan produk kewangan Islam.	Kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu menggunakan soal selidik sebagai metode pengumpulan data.	Hasil kajian ini mendapati pembangunan produk perbankan hendaklah berasaskan prinsip masalah yang berteraskan maqasid syariah dengan mengambilkira pemeliharaan

				lima objektif syarak.
22	Abdul Atsar & Azid Izuddin, 2018 (<i>Implementation of Fiqh Based on the Masalahah in Murabahah Financing in Sharia Banking</i>)	Kajian ini mengkaji bagaimana aplikasi fiqh masalahah dalam kontrak pembiayaan <i>murābahah</i> .	Kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu kajian perpustakaan sebagai metode pengumpulan data dan metode deduktif dan induktif sebagai analisis data.	Hasil kajian ini mendapati kontrak perbankan haruslah berdasarkan prinsip syariah dengan mengutamakan kemaslahatan dan menolak kemudaratan iaitu dengan menjamin keperluan <i>ḍarūriyyāt</i> , <i>ḥājjiyyāt</i> dan <i>taḥsīniyyāt</i> .
23	Marina Abu Bakar, 2021 (<i>The Application of Masalahah in Islamic Finance and Banking Products & Fatwa Resolutions in Malaysia</i>)	Kajian ini menganalisis aplikasi masalahah dalam kewangan dan perbankan Islam serta menumpukan juga kepada resolusi dan fatwa pada masa kini.	Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan kajian perpustakaan sebagai pengumpulan data yang menumpukan kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari. Proses analisis data dalam kajian ini menggunakan analisis kandungan.	Hasil kajian ini mendapati produk perbankan Islam dibangunkan berasaskan prinsip masalahah iaitu bertepatan dengan prinsip syariah, tidak bercanggah dengan dalil-dalil syariah, perlu pertimbangan masalahah <i>ḍarūriyyāt</i> dan <i>ḥājjiyyāt</i> , masalahah mestilah bersifat umum dan <i>qaṭ'ī</i> ,

				tidak boleh menolak masalah/ mafsadah yang <i>rājih</i> , masih dalam ruang lingkup hukum Islam.
24	Rashidah Abdul Rahman et al., 2023 (<i>The Disclosure Practices on Maqasid Shariah Objectives Among Malaysian Islamic Banks Using Fuzzy Topsis Assessment</i>)	Kajian ini mengkaji pencapaian perbankan Islam berdasarkan objektif maqasid syariah iaitu <i>al-‘adl</i> dan masalah.	Kajian berbentuk kualitatif dengan analisis data menggunakan Fuzzy TOPSIS.	Hasil kajian mendapati pencapaian perbankan Islam di Malaysia berdasarkan objektif syariah terutamanya keadilan dan masalah sebagai alat pengukuran.
25	Susi Nurkholidah et al., 2024 (<i>Implementation of Smart Contracts in Sharia Finance: Masalah Mursalah's Perspective</i>)	Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan <i>smart contract</i> daripada perspektif <i>maṣlaḥah mursalah</i> yang dapat memberi manfaat walaupun tidak disebut dalam nas.	Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan kajian perpustakaan.	Hasil kajian ini mendapati pelaksanaan <i>smart contract</i> menepati elemen masalah iaitu selaras dengan objektif maqasid syariah, tidak bercanggah dengan nas, memberi banyak kelebihan dan manfaat kepada masyarakat.
26	Nurul Hikmah & Muhammad Yazid, 2025 (<i>Maqashid Al-Shariah as a Contemporary Economic</i>	Kajian ini mengkaji peranan maqasid syariah dalam menangani isu ekonomi menurut pandangan Yusuf	Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menganalisis pandangan Yusuf al-Qaradawi dan sorotan kajian	Hasil kajian ini mendapati pandangan Yusuf al-Qaradawi menekankan prinsip

	<i>Solution According to Yusuf al-Qaradawi)</i>	al-Qaradawi.	yang berkaitan.	masalah dalam ekonomi iaitu manfaat ekonomi mestilah untuk masyarakat dan komuniti bukan hanya tertumpu kepada individu atau kelompok tertentu sahaja.
27	Erie Hariyanto et al., 2023 (<i>In Search of Ummah Welfare Model: The Revitalisation of Sharia Economic Law in Indonesia</i>)	Kajian ini mengkaji bagaimana ekonomi Islam menjadi panduan dalam setiap transaksi. Keperluan memahami ekonomi Islam amat penting bagi melahirkan masalah dalam setiap aspek kehidupan. Kajian ini juga dianggap penting untuk memahami revitalisasi undang-undang ekonomi syariah secara teori dan praktikal demi kepentingan serta kemaslahatan awam.	Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui penyelidikan perpustakaan (<i>library research</i>) untuk menganalisis sejarah dan perkembangan perundangan ekonomi syariah	Hasil kajian ini mendapati dalam konteks pemeliharaan harta dan kekayaan, Islam melindunginya dengan membenarkan pelbagai bentuk transaksi seperti jual beli, sewaan, gadaian serta dalam masa yang sama mengharamkan riba, penipuan dan kecurian. Islam turut menetapkan hukuman potong tangan bagi kesalahan rompakan sebagai langkah terakhir demi mencapai matlamat tertinggi iaitu <i>maṣlahah ‘āmmah</i> (kebaikan

				awam).
28	Aimatul Yumna, 2019 (<i>Examining Financial Needs of Banking Customers for Product Development in Islamic Banking in Indonesia</i>)	Kajian ini mengkaji pembangunan produk dalam perbankan Islam dengan menggunakan teori <i>pyramid of masalah</i> . Pembangunan produk merupakan aspek penting dalam perbankan Islam bagi merealisasikan maqasid syariah serta memberikan perkhidmatan yang lebih baik dalam ekonomi sebenar.	Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan pengumpulan data primer iaitu temubual separa struktur melalui 25 orang pengguna perkhidmatan perbankan Islam di Indodesia.	Hasil kajian ini mendapati bank-bank Islam perlu membangunkan produk kewangan yang mampu memenuhi tiga keperluan masyarakat, iaitu keperluan asas atau <i>darūriyyāt</i> , keperluan pelengkap (<i>hājiyyāt</i>), serta keperluan penghias atau kesempurnaan (<i>taḥsīniyyāt</i>), supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada ekonomi sebenar. Hal ini bertepatan dengan konsep masalah dalam Islam.

Sumber: Susunan Pengkaji

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis artikel melalui kaedah PRISMA ini, sorotan literatur berkenaan pengaplikasian masalah dalam institusi perbankan Islam telah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu. Melalui 28 artikel yang terpilih, tiga tema telah dibahagikan iaitu masalah terhadap produk perbankan, masalah terhadap organisasi dan masalah terhadap masyarakat sepertimana jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Tema Perbincangan Artikel

Penulis Artikel	Masalahah Produk	Masalahah Organisasi	Masalahah Masyarakat
Kazi et al. (2021)		/	
Shahrul & Asni (2020)	/		
Abd Hakim (2020)		/	
Suheyib & Razali (2020)	/		
Ameen Ahmed et al. (2022)	/		
Achmad Firdaus (2021)		/	
Norazlina & Ridzwan (2019)	/		
Shahrul Ifwat (2019)	/		
Fathullah Asni et al. (2024)	/		
Lokmanul Hakim (2017)	/		
Shahrul & Syairazi (2022)	/		
Abdulmajid & Kieren Akbar (2023)	/		
Siti Hajar (2019)	/		
Mansor Sulaiman et al. (2019)	/		
Fadziani & Ahmad Hidayat (2024)	/		
Sarah Nursaadah et al. (2024)	/		
Zulkifli & Mehmet (2017)		/	
Fakhri Sungkit & Khairul Anuar (2018)			/
Sumayyah & Ridzwan (2016)	/		
Shahrul & Nur Syahirah (2021)	/		
Wan Nazjmi et al. (2020)	/		
Abdul Atsar & Azid Izuddin (2018)	/		
Marina Abu Bakar (2021)	/		
Rashidah Abdul Rahman et al. (2023)		/	

Susi Nurkholidah et al. (2024)	/		
Nurul Hikmah & Muhammad Yazid (2025)		/	
Erie Hariyanto et al. (2023)	/		
Aimatul Yumna (2019)	/		
Jumlah	21	5	2

Sumber: Susunan Pengkaji

Secara keseluruhannya, kekerapan kajian bagi tema masalah terhadap produk adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 21 artikel. Manakala kekerapan bagi tema masalah terhadap organisasi iaitu sebanyak 5 artikel yang dibincangkan dan bagi tema masalah terhadap masyarakat hanya 2 artikel. Ketidakseimbangan ini menunjukkan bahawa kajian-kajian terdahulu banyak memfokuskan kepada masalah dalam isu pematuan syariah pada aspek produk perbankan dan struktur kontrak berbanding masalah dalam aspek tadbir urus organisasi dan masyarakat.

Keadaan ini berlaku disebabkan oleh keperluan institusi perbankan Islam untuk bersaing dalam pasaran semasa bagi memastikan pematuan syariah dalam produk kewangan Islam sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan pelanggan. Hal ini menyebabkan aspek masalah dalam produk perbankan diberi perhatian untuk dibincangkan agar ianya selaras dengan kehendak maqasid syariah. Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada pengaplikasian masalah pada produk perbankan seperti kontrak *bay' al-ṭinah*, *ta'wīḍ*, *wa'd*, dan *ibrā'* dan sebagainya seperti dalam kajian Shahrul Ifwat & Fathullah Asni,²⁶ Suheyib & Razali²⁷ dan juga Norazlina & Ridzwan Ahmad.²⁸ Sebaliknya, bagi kajian yang memfokuskan dalam aspek masalah dalam organisasi dan masyarakat kurang diberi perhatian. Oleh itu, perbincangan kajian ini akan membentangkan pengaplikasian elemen masalah mengikut tema seperti berikut:

a. Masalah Terhadap Produk Perbankan

Terdapat beberapa artikel yang membincangkan masalah terhadap produk dengan memasukkan beberapa elemen untuk diaplikasikan dalam produk perbankan.

²⁶ Muhammad Shahrul Ifwat Ishak & Fathullah Asni, "The Role of Maqasid Al-Shari'ah in Applying Fiqh Muamalat into Modern Islamic Banking in Malaysia," *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 11, no. 20 (2020): 2137-2154.

²⁷ Suheyib Eldersevi & Razali Haron, "An Analysis of Maṣlaḥah Based Resolutions Issued by Bank Negara Malaysia," 89-102.

²⁸ Norazlina Mamat & Ridzwan Ahmad, "Maslahah Approach Towards Imposition of Ta'widh in Islamic Banking," *Global Journal Al-Thaqafah*, no. Edisi Khas (2019): 39-48.

Berdasarkan analisis kajian ini dan pemerhatian daripada jadual 6, penulis merumuskan terdapat enam elemen masalah yang menjadi panduan penting kepada pengamalkan industri perbankan dan pihak yang terlibat dalam memperkenalkan produk perbankan patuh syariah. Enam elemen masalah iaitu masalah yang tidak bertentangan dengan nas dan ijma', *maṣlahah kullīyyah*, masalah tidak bercanggah dengan objektif maqasid syariah, masalah mengikut susunan keutamaan, masalah secara nyata dan pasti serta masalah dalam ruang lingkup hukum Islam.

Kajian yang dilakukan oleh Suheyib dan Razali,²⁹ Abdulmajid dan Kieren Akbar,³⁰ Mansor Sulaiman et al.,³¹ Sarah Nursaadah et al.,³² dan Susi Nurkholidah et al.³³ telah menyatakan masalah haruslah tidak bertentangan dengan nas iaitu al-Quran, hadis dan ijma'. Sesuatu masalah itu haruslah selari dengan nilai-nilai Islam sepertimana yang termaktub dalam al-Quran dan Hadis serta ijma' para ulama. Hal ini bermakna mana-mana produk perbankan yang dikeluarkan haruslah mengikut garis panduan serta tidak bertentangan dengan hukum-hakam di dalam Islam.³⁴ Elemen masalah yang seterusnya ialah *maṣlahah kullīyyah* iaitu masalah haruslah memberi manfaat secara umum dan menyeluruh untuk dikecapi masyarakat amnya. Menurut kajian yang dilakukan oleh Fathullah Asni et al.,³⁵ masalah yang diambil kira haruslah merangkumi skop yang luas yang mana manfaat dan kebajikan untuk semua masyarakat seperti pelaburan dalam sebuah syarikat yang sesetengah aktivitinya tidak mematuhi prinsip Islam yang dibenarkan atas keperluan masalah. Masalah yang dibenarkan perlu memberi impak kepada kepentingan umat Islam.

²⁹ Suheyib Eldersevi & Razali Haron, "An Analysis of Maslahah Based Resolutions Issued by Bank Negara Malaysia," 89-102.

³⁰ Abdulmajid Obaid Hasan Saleh & Kieren Akbar, "al-Maṣlahah al-‘Āmmah wa Ḍawābiṭuhā fī al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah wa al-Taṭbīqāt al-Maṣrafiyyah al-Mu‘āṣirah," *Jurnal Fiqh* 20, no. 2 (2023): 239-266.

³¹ Mansor Sulaiman et al., "Ijtihad Dan Perkaitanya Dengan Maslahah: Suatu Kupasan," dalam *The 4th International Conference on Islam and Higher Education (ICIHE)*, 2016, 1-18.

³² Sarah Nursaadah et al., "Maslahah And Its Application In Islamic Finance," *International Journal of Islamic Business* 9, no. 1 (2024): 82-94.

³³ Susi Nurkholidah et al., "Implementation of Smart Contracts in Sharia Finance: Maslahah Mursalah's Perspective," *Journal of Mujaddin Nusantara* 1, no.4 (2024): 211-221.

³⁴ Mohammad Akram Laldin, "Understanding The Concept of Maslahah and Its Parameters When Used in Financial Transactions," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2. no.1 (2010): 62-83.

³⁵ Fathullah Asni et al., "Kaedah Pendaliran Maslahah Mursalah Dan Aplikasinya Dalam Kewangan Islami Kontemporari," *International Journal of Law, Government and Communication* 9, no. 36 (2024): 306-315.

Fadziani dan Ahmad Hidayat³⁶ turut menyatakan elemen *maṣlaḥah kullīyyah* juga diambil kira dalam kontrak *al-wa'd* yang memberi kepentingan kepada pihak bank, pelanggan dan masyarakat. Hal ini bermakna masalah dalam kontrak *al-wa'd* ini bukan sahaja dapat mengukuhkan kontrak perjanjian tetapi juga menyumbang kepada pelbagai perkhidmatan kepada pelanggan serta pembangunan masyarakat ekonomi setempat dan negara amnya.³⁷ Menurut kajian yang dilakukan oleh Erie Hariyanto et al.,³⁸ *maṣlaḥah kullīyyah* menjadi pertimbangan utama yang mempengaruhi keseimbangan kehidupan sosial manusia. Islam melindungi dan membenarkan segala bentuk transaksi jual beli, sewaan, gadaian dan mengharamkan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam demi menjaga masalah kepada umat Islam. Hubungkait masalah dengan maqasid syariah saling berkait rapat dalam penentuan sesuatu produk perbankan berlandaskan nilai-nilai Islam. Oleh itu, sesuatu masalah itu haruslah tidak bercanggah dengan objektif maqasid syariah iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara keturunan, memelihara akal dan memelihara harta. Ameen Ahmat et al.,³⁹ dan Mansor Sulaiman et al.,⁴⁰ dalam kajiannya mendapati objektif maqasid syariah ini dapat membentuk kerangka *framework* masalah untuk diaplikasikan dalam produk perbankan Islam seperti pembiayaan rumah menggunakan kontrak *mushārakah mutanāqīṣah* yang dapat memberi manfaat kepada pelanggan untuk memiliki aset secara beransur-ansur tanpa wujudnya unsur riba. Begitu juga Abdulmajid dan Kieren Akbar⁴¹ yang melihat pengaplikasian maqasid syariah penting di dalam transaksi dan kontrak perbankan dalam memastikan masalah kelima-lima objektif maqasid dapat dipelihara.

Sumayyah dan Ridzwan Ahmad⁴² telah membawakan konsep *al-darūrah* dalam kewangan dan perbankan Islam turut terikat dengan objektif maqasid syariah dalam menghasilkan masalah kepada masyarakat dalam menghindari kemudaratan dan kepayahan yang berlaku. Tanpa mempraktikkan konsep *al-darūrah*, maka institusi kewangan dan perbankan Islam akan menggunakan produk-produk yang masih belum

³⁶ Fadziani Yaakob & Ahmad Hidayat Buang, "The Application of Promise (Wa'd) in Islamic Banking Contracts in Malaysia: A Masalah Perspective," *The International Journal of Islamic Banking and Finance* 19, no. 1 (2024): 39-56.

³⁷ Fadziani Yaakob & Ahmad Hidayat Buang, "The Application of Promise (Wa'd) in Islamic Banking Contracts in Malaysia: A Masalah Perspective," 39-56.

³⁸ Erie Hariyanto et al., "In Search of Ummah Welfare Model: The Revitalisation of Shariah Economic Law in Indonesia," *Sriwijaya Law Review* 7, no. 2 (2023): 244-261.

³⁹ Ameen Ahmad Abdullah Qasem al-Nahari et al., "Common Conceptual Flaws in Realizing Maqasid Al-Syar'iah Vis-a-Vis Islamic Finance," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 14, no. 2 (2022): 190-205.

⁴⁰ Mansor Sulaiman et al., "Ijtihad Dan Perkaitanya Dengan Masalah: Suatu Kupasan," 1-18.

⁴¹ Abdulmajid Obaid Hasan Saleh & Kieren Akbar, "al-Maṣlaḥah al-ʿĀmmah wa Ḍawābiḥūhā fī al-Muʿāmalāt al-Māliyyah wa al-Taṭbīqāt al-Maṣrafiyyah al-Muʿāṣirah," 239-266.

⁴² Sumayyah Abd Aziz & Ridzwan Ahmad, "Satu Penilaian Semula Konsep Al-Darurah Dalam Kewangan Islam Semasa," *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 13 (2016): 118-134.

memenuhi kerangka maqasid syariah yang sebenarnya sekaligus matlamat masalah tidak tercapai. Begitu juga dalam kajian Susi Nurkholidah et al.,⁴³ yang mengkaji pelaksanaan *smart contract* dalam dunia perbankan digital ini memberi masalah kepada pelanggan dan pihak bank dalam memudahkan urusan antara kedua-dua pihak. Pelaksanaan *smart contract* ini menepati elemen masalah yang selaras dengan objektif maqasid syariah.

Selain itu, elemen masalah juga perlu mengikut susunan keutamaan dalam hierarki keperluan dan kehendak. Susunan keutamaan ini perlulah mengikut objektif dalam maqasid syariah iaitu peringkat *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Kajian seperti Shahrul Ifwat & Fathullah Asni⁴⁴ dan Lokmanul Hakim⁴⁵ yang membuat pemerhatian kepada masalah haruslah diutamakan aspek *darūriyyāt* berbanding *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Hal ini disokong oleh Siti Hajar et al.⁴⁶ yang menyatakan bahawa pertembungan antara masalah mengikut susunan keutamaan seperti keperluan asasi, keperluan kepentingan manusia dan keperluan dalam memelihara kesejahteraan dan keharmonian hidup. Manakala menurut Aimatul Yumna⁴⁷ bank-bank Islam perlu membangunkan produk kewangan mengikut susunan hierarki dalam objektif maqasid syariah tersebut seperti dari segi keperluan *darūriyyāt* dengan menyediakan akaun simpanan patuh syariah, dari aspek *hājiyyāt* dengan menyediakan pelan persaraan, produk takaful dan beberapa produk yang menawarkan perlindungan dan kestabilan kewangan. Selain itu dalam aspek *taḥsīniyyāt* pula adanya pelaburan dalam saham, sukuk/bon, *mutual funds* dan beberapa produk pelaburan yang lain.

Elemen masalah seterusnya ialah masalah secara nyata bukan andaian semata-mata. Ini penting untuk mengekalkan konsistensi dalam hukum Islam seperti perkara dibenarkan dilarang dan perkara yang dilarang dibenarkan mengikut kepada situasi tertentu.⁴⁸ Sebagai contoh keperluan perbankan Islam memasukkan *ibrā'* dalam klausa dan pengiraanya dalam perjanjian kewangan selaras dengan kehendak masalah.

⁴³ Susi Nurkholidah et al., "Implementation of Smart Contracts in Sharia Finance: Masalah Mursalah's Perspective," 211-221.

⁴⁴ Muhammad Shahrul Ifwat Ishak & Fathullah Asni, "The Role of Maqasid Al-Shari'ah in Applying Fiqh Muamalat into Modern Islamic Banking in Malaysia," 2137-2154.

⁴⁵ Lokmanul Hakim Hussain, "Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep Masalah 'Ammah," 125-145.

⁴⁶ Siti Hajar Roslan et al., "Penggunaan Masalah Dalam Pembentukan Standard Ijarah Yang Dikeluarkan Oleh Bank Negara Malaysia: Suatu Sorotan Literatur," *Journal of Syariah Law Research* 4, no. 2 (2019): 113-136.

⁴⁷ Aimatul Yumna, "Examining Financial Needs of Banking Customer for Product Development in Islamic Banking in Indonesia: A Masalah Pyramid Approach," *International Journal of Islamic Middle Eastern Finance and Management* 11, no. 5 (2019): 712-724.

⁴⁸ Ibrāhīm ibn Mūsā al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 7-9.

Walaupun konsep asal *ibrā'* berdasarkan budi bicara pihak bank namun ianya menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan pelanggan apabila pihak bank menuntut bayaran jumlah keseluruhan termasuk keuntungan. Hasilnya produk perbankan Islam dilihat lebih merumitkan berbanding perbankan konvensional. Oleh itu, peraturan ini benar-benar membawa masalah kedua-dua pihak antara bank dan pelanggan kerana menggalakkan ketelusan dalam operasi perbankan.⁴⁹ Selain daripada itu, elemen masalah seterusnya ialah masalah masih dalam ruang lingkup hukum Islam iaitu masalah yang diiktiraf oleh syarak seperti dalam isu-isu muamalat. Bagi Marina Abu Bakar et al.,⁵⁰ penghasilan produk perbankan dapat memberi impak dan manfaat kepada pelanggan seperti penggunaan *tawarruq* berdasarkan elemen masalah untuk memenuhi keperluan pelanggan secara patuh syariah.

b. Masalah Terhadap Organisasi

Organisasi merupakan entiti sosial yang diwujudkan bagi merealisasikan matlamat tertentu, selari dengan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi. Oleh sebab itu sesebuah organisasi seharusnya memberi manfaat yang bersifat menyeluruh kepada masyarakat. Manfaat tersebut perlu memenuhi piawaian keperluan masalah agar ia benar-benar menyumbang kepada pencapaian *al-falāḥ* sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam.⁵¹ Institusi perbankan Islam adalah contoh organisasi yang memberi manfaat dan kebaikan kepada masyarakat Islam amnya dalam membantu pengurusan kewangan mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Kazi Md Tarique et al.⁵² yang membangunkan model maqasid syariah dalam penilaian prestasi organisasi perbankan berdasarkan tiga aspek masalah yang dilihat dari sudut *ḍarūriyyāt*, *ḥājīyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Kajian ini menekankan penilaian prestasi diukur berdasarkan elemen masalah tersebut. Achmad Firdaus⁵³ menambah lima elemen masalah *ḍarūriyyāt* iaitu menjaga agama, nyawa, akal,

⁴⁹ Muhammad Shahrul Ifwat Ishak & Fathullah Asni, "The Role of Maqasid Al-Shari'ah in Applying Fiqh Muamalat into Modern Islamic Banking in Malaysia," 2137-2154.

⁵⁰ Marina Abu Bakar et al, "The Application of Maslahah in Islamic Finance and Banking Products & Fatwa Resolutions in Malaysia," *Journal Contemporary Issues in Business and Government* 27, no.1 (2021): 2793-2809.

⁵¹ Achmad Firdaus & Ahmad Mukhlis Yusuf, "Maslahah Performa, Maslahah Based Organization," dalam *ISRA International Colloquium for Islamic Finance (IICIF 2014)* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2014), 3.

⁵² Kazi Md Tarique et al., "Developing and Validating The Components of Maqasid Al-Shariah Based Performance Measurement Model for Islamic Banks," *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14, no. 2 (2021): 366-390.

⁵³ Achmad Firdaus, "Determination of Organisational Essential Needs As The Basic For Developing A Maslahah Based Performance Measurement," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 13, no. 2 (2021): 229.

keturunan dan harta di aplikasikan dalam organisasi seperti orientasi ibadah, orientasi proses dalaman, orientasi bakat, orientasi pembelajaran, orientasi pelanggan dan orientasi kekayaan. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Zulkifli Hasan dan Mehmet Asutay,⁵⁴ pendekatan masalah digunakan sebagai alat instrumen kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam institusi kewangan Islam seperti menepati objektif dalam maqasid syariah pada setiap tugas dan tanggungjawab yang dilakukan. Kajian ini dipersetujui oleh Rashidah Abdul Rahman et al.⁵⁵ melalui kajiannya yang menekankan aspek masalah dalam mencapai *al-'adl* dalam penilaian prestasi dalam sesebuah organisasi.

Namun begitu, berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Abdul Hakim⁵⁶ dalam membincangkan tadbir urus organisasi iaitu bagaimana konsep masalah diaplikasikan dengan melihat kepentingan perantaraan ahli jawatankuasa syariah yang memegang lebih dari satu institusi kewangan Islam dalam masa yang sama. Hal ini penting kerana aspek masalah diambil kira bagi melihat manfaatnya melalui pertimbangan dari sudut maqasid syariah serta risiko yang mungkin akan dihadapi.

c. Masalah Terhadap Masyarakat

Dalam konteks perbankan Islam, masalah terhadap masyarakat merujuk kepada manfaat yang terhasil daripada produk, perkhidmatan dan aktiviti yang bukan sahaja memberi keuntungan kepada pihak institusi dan pelanggan malahan turut memberi manfaat kepada masyarakat secara amnya. Antara masalah terhadap masyarakat ialah dapat mewujudkan keadilan ekonomi melalui amalan institusi perbankan Islam tidak terlibat dalam sebarang kontrak yang mengandungi unsur riba, *gharar* dan *maysir*. Hal ini dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem perbankan yang menekankan keadilan kepada semua pihak.

Kajian yang dilakukan oleh Fakhri Sungkit dan Khairul Anuar⁵⁷ yang mengkaji pertembungan antara kepentingan pihak industri perbankan dan masyarakat dalam produk perbankan bagi memenuhi prinsip maqasid syariah serta manfaat kepada pengguna. Melalui kajian ini, *maṣlaḥah kullīyyah* diaplikasikan dalam produk perbankan supaya

⁵⁴ Zulkifli Hasan & Mehmet Asutay, "Maslahah in Stakeholder Management for Islamic Financial Institutions," *The Islamic Quarterly* 61, no. 4 (2017): 528.

⁵⁵ Rashidah Abdul Rahman et al., "The Disclosure Practices On Maqasid Shariah Objectives Among Malaysian Islamic Banks Using Fuzzy Topsis Assessment," *Journal of Nusantara Studies* 8, no. 3 (2023): 109-133.

⁵⁶ Abd Hakim Abd Razak, "Multi Shariah's Board Directorship: A Maslahah (Public Interest) Perspective," *Journal of Islamic Marketing* 11, no. 3 (2020): 745-758.

⁵⁷ Fakhri Sungkit & Khairul Anuar Ahmad, "Dilema Perbankan Dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh Dan Maqasid Syariah," *Journal of Muwafaqat* 1, no. 1 (2018): 18-36.

manfaatnya dapat dinikmati oleh semua pihak serta memberi keadilan kepada semua. Selain itu, institusi perbankan Islam juga menyediakan produk dan perkhidmatan yang dapat membantu memenuhi keperluan asas masyarakat seperti pembiayaan perumahan, pendidikan, keusahawanan dan sebagainya. Perkara ini dapat memberi masalah kepada masyarakat dengan membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan kemudahan pendidikan, kesihatan dan perumahan. Dalam kajian yang dilakukan oleh Nurul Hikmah & Muhammad Yazid menyatakan institusi perbankan Islam turut menyumbangkan kepentingan kepada masyarakat dengan pengurusan dana zakat, wakaf dan sedekah melalui program yang dianjurkan.⁵⁸

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis tinjauan literatur sistematik (SLR) terhadap pengaplikasian elemen masalah dalam institusi perbankan Islam di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa konsep masalah memainkan peranan penting dalam memastikan kesesuaian operasi perbankan Islam dengan prinsip-prinsip Syariah. Penemuan literatur menunjukkan bahawa masalah khususnya dalam bentuk *maṣlaḥah ḍarūriyyah*, telah menjadi asas dalam pelbagai keputusan fiqh dan inovasi produk kewangan Islam, terutamanya apabila tiada nas yang jelas dalam al-Quran dan Sunnah.

Namun begitu, kajian juga mendapati bahawa terdapat jurang dari segi pemahaman praktikal dan mekanisme pengaplikasian masalah dalam persekitaran perbankan yang kompleks dan moden. Cabaran utama termasuklah kekaburan dalam proses penilaian masalah keterbatasan panduan operasional, dan kepelbagaian tafsiran dalam kalangan badan Syariah. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk merumuskan satu rangka kerja yang lebih jelas, sistematik dan berpaksikan maqasid syariah bagi membolehkan penilaian dan pengaplikasian masalah dilakukan secara konsisten dan telus. Secara keseluruhannya, masalah merupakan elemen penting dalam menjamin ketulenan dan keberkesanan institusi perbankan Islam di Malaysia. Namun, pengukuhan pendekatan metodologi dan kerangka tadbir urus yang lebih mantap adalah diperlukan bagi memastikan prinsip ini terus relevan dan responsif terhadap keperluan semasa industri kewangan Islam.

⁵⁸ Nurul Hikmah & Muhammad Yazid, "Maqasid Al-Syariah as a Contemporary Economic Solution According to Yusuf Al-Qaradawi," *Journal of Islamic Economics, Management and Finance* 4, no. 1 (2025): 51-63.

RUJUKAN

- Abd Aziz, Sumayyah and Ridzwan Ahmad. "Satu Penilaian Semula Konsep Al-Darurah Dalam Kewangan Islam Semasa." *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 13 (2016): 118-134.
- Abd Razak, Abd Hakim. "Multi Shariah's Board Directorship: A Masalahah (Public Interest) Perspective." *Journal of Islamic Marketing* 11, no. 3 (2020): 745-758.
- Abdul Rahman, Rashidah et al. "The Disclosure Practices On Maqasid Shariah Objectives Among Malaysian Islamic Banks Using Fuzzy Topsis Assessment." *Journal of Nusantara Studies* 8, no. 3 (2023): 109-333.
- Abu Bakar, Marina et al. "The Application of Masalahah in Islamic Finance and Banking Products & Fatwa Resolutions in Malaysia." *Journal Contemporary Issues in Business and Government* 27, no. 1 (2021): 2793-2809.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. *Ḍawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973.
- Al-Khādimī, Nūr al-Dīn bin Mukhtār. *al-Ijtihād al-Maqāṣidī*. Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, 1998.
- Al-Nahari, Ameen Ahmad Abdullah Qasem et al. "Common Conceptual Flaws in Realizing Maqasid Al-Syar'iah Vis-a-Vis Islamic Finance." *ISRA International Journal of Islamic Finance* 14, no. 2 (2022): 190-205.
- Al-Raysūnī. *Naẓariyyat al-Maqāṣid 'inda al-Imām al-Shāṭibī*. USA: The International Institute of Islamic Thought, 1995.
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- Al-Yūbī, Muḥammad Sa'd bin Aḥmad bin Mas'ūd. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Shar'iyyah*. Riyāḍ: Dār al-Hijrah, 1998.
- Asni, Fathullah et al. "Kaedah Pendalilan Masalahah Mursalah Dan Aplikasinya Dalam Kewangan Islam Kontemporari." *International Journal o Law, Government And Communication* 9, no. 36 (2024): 306-315.

- Backman, Ruth et al. "Clinical Reminder Alert Fatigue in Healthcare: A Systematic Literature Review Protocol Using Qualitative Evidence." *Systematic Reviews* 6, no. 1 (2017): 255.
- Burls, Amanda. "What Is Critical Appraisal?" *International Journal of Evidence- Based Practice for Dental Hygienist* 1, no. 2 (2015): 80-85.
- Creswell, J.W. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. New York: SAGE Publications, 2017.
- Denyer, David Tranfield David, and Palminder Smart. "Towards a Methodology For Developing Evidence-Informed Management Knowledge By Means of Systematics Review." *British Journal of Management* 14, no. 3 (2003): 207-222.
- Eldersevi, Suheyib and Razali Haron. "An Analysis of Maṣlaḥah Based Resolutions Issued by Bank Negara Malaysia." *ISRA International Journal of Islamic Finance* 12, no. 1 (2020). <https://doi.org/10.1108/IJIF-09-2018-0103>.
- Firdaus, Achmad and Ahmad Mukhlis Yusuf. "Maslahah Performa, Maslahah Based Organization." In *ISRA International Colloquium for Islamic Finance (IICIF 2014)*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2014.
- Firdaus, Achmad. "Determination of Organisational Essential Needs As The Basic For Developing A Maslahah Based Performance Measurement." *ISRA International Journal of Islamic Finance* 13, no. 2 (2021): 229.
- Guillaume, Lame. "Systematic Literature Reviews: An Introduction." In *International Conference on Engineering Design (ICED 19)*. Netherlands: DELFT, 2019.
- Hariyanto, Erie et al. "In Search of Ummah Welfare Model: The Revitalisation of Sharia Economic Law in Indonesia." *Sriwijaya Law Review* 7, no. 2 (2023): 244-261.
- Hasan, Zulkifli and Mehmet Asutay. "Maslahah in Stakeholder Management for Islamic Financial Institutions." *The Islamic Quarterly* 61, no. 4 (2017): 528.
- Hussain, Lokmanul Hakim. "Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep Maslahah 'Ammah Dalam Produk Kewangan Islam." *Jurnal Muamlat* 10, no. April (2017): 125-145.
- Ibn 'Āshūr. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Qatar: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2004.

- Ishak, Muhamamd Shahrul Ifwat. "The Principle of Masalahah and Its Application in Islamic Banking Operations in Malaysia." *ISRA International Journal of Islamic Finance* 11, no. 1 (2019).
- Ishak, Muhammad Shahrul Ifwat and Fathullah Asni. "The Role of Maqasid Al-Shari'ah in Applying Fiqh Muamalat into Modern Islamic Banking in Malaysia." *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 11, no. 20 (2020): 2137–2154.
- Laldin, Mohammad Akram. "Understanding The Concept of Masalahah and Its Parameters When Used in Financial Transactions." *ISRA International Journal of Islamic Finance* vol 2, no. no.1 (2010): 62-83.
- Mamat, Norazlina and Ridzwan Ahmad. "Maslahah Approach Towards Imposition of Ta'widh in Islamic Banking." *Global Journal Al-Thaqafah*, no. Edisi Khas (2019): 39-48.
- Mohd Safian, Yasmin Hanani. "Shariah Scholars and Fatwa Making Process in Islamic Finance." *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2018). <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.33>.
- Moher D, Liberati A, Tetzlaff J, Altman Dg. "Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement." *International Journal of Surgery* 8 (2010): 336-341.
- Mutaqqin, Anwar and Amalin Abdul Aziz. "Analisis Teori Tadbir Urus Islam Era Khalifah Abu Bakar As Siddiq Berdasarkan Sumber Al- Quran." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 4 (2023): 177-188.
- Nurul Hikmah and Muhamamd Yazid. "Maqasid Al-Syariah as a Contemporary Economic Solution According to Yusuf Al-Qaradawi." *Journal of Islamic Economics, Management and Finance* 4, no. 1 (2025): 51-63.
- Oliver, David Gough Sandy and James Thomas. "An Introduction to Systematics Review (2nd Edition)." *Psychology Teaching Review* 23, no. 2 (2017): 95-96.
- Petticrew, Mark and Helen Roberts. *Systematics Review in Social Science: A Pratical Guide*. Victoria: Blackwell Publishing, 2006.
- Roslan, Siti Hajar et al. "Penggunaan Masalahah Dalam Pembentukan Standard Ijarah Yang Dikeluarkan Oleh Bank Negara Malaysia: Suatu Sorotan Literatur." *Journal of Syariah Law Research* 4, no. 2 (2019): 113-136.

- Saleh, Abdulmajid Obaid Hasan and Kieren Akbar. "al-Maṣlaḥah al-ʿĀmmah wa Ḍawābiḥūhā fī al-Muʿāmalāt al-Māliyyah wa al-Taṭbīqāt al-Maṣrafiyyah al-Muʿāsirah." *Jurnal Fiqh* 20, no. 2 (2023): 239-166.
- Sarah Nursaadah et al. "Maslahah And Its Application In Islamic Finance." *International Journal of Islamic Business* 9, no. 1 (2024): 82-94.
- Shaharuddin, Amir. "Maslaha-Mafsadah Approach in Assessing The Syariah Compliance of Islamic Banking Products." *International Journal of Bussiness and Social Sciences* 1, no. 1 (2010): 129-136.
- _____. "The Bay' Inah Controversy in Islamic Banking." *Arab Law Quarterly* 26, no. 4 (2012): 499-511.
- Sulaiman, Mansor et al. "Ijtihad Dan Perkaitanya Dengan Maslahah: Suatu Kupasan." dalam *The 4th International Conference on Islam and Higher Education (ICIHE)*, 1-18, 2016.
- Sungkit, Fakhri and Khairul Anuar Ahmad. "Dilema Perbankan Dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh Dan Maqasid Syariah." *Journal of Muwafaqat* 1, no. 1 (2018): 18-36.
- Susi Nurkholidah et al. "Implementation of Smart Contracts in Sharia Finance: Maslahah Mursalah's Perspective." *Journal of Mujaddin Nusantara* 1, no. 4 (2024): 211-221.
- Tarique, Kazi Md et al. "Developing and Validating The Components of Maqasid Al-Shariah Based Performance Measurement Model for Islamic Banks." *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14, no. 2 (2021): 366-390.
- Yaakob, Fadziani and Ahmad Hidayat Buang. "The Application of Promise (Wa'd) in Islamic Banking Contracts in Malaysia: A Maslahah Perspective." *The Internation Journal of Islamic Banking and Finance* 19, no. 1 (2024): 39-56.
- Yu Xiau and Maria Watson. "Guidance on Conducting a Systematic Literature Review." *Journal of Planning Education and Research* 39, no. 1 (2017): 93-112.
- Yumna, Aimatul. "Examining Financial Needs of Banking Customer for Product Development in Islamic Banking in Indonesia: A Maslahah Pyramid Approach." *International Journal of Islamic Middle Eastern Finance and Management* 11, no. 5 (2019): 712-724.